

15/10/2002

Keikhlasan Singapura selesai harga air dipertikai

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan keikhlasan Singapura dalam mencari penyelesaian berhubung isu bekalan air ke republik itu.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini Malaysia bersetuju isu air diselesaikan dalam satu pakej bersama isu tertangguh lain, tetapi penyelesaian masih juga tidak dicapai.

Sekarang, katanya, apabila Malaysia mahu perbincangan isu air itu diasingkan, Singapura pula enggan berbuat demikian.

"Dah bagi dah, jadi sebahagian daripada pakej, tak jadi juga. Nak asingkan tak mahu, tak tahulah apa dia," katanya selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas penafian Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong kelmarin bahawa beliau pernah memberi persetujuan bagi menyemak harga air yang dibekalkan ke republik itu.

Goh dipetik sebagai berkata, dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir di Putrajaya Selasa lalu, beliau hanya bersetuju untuk membuat semakan ke atas harga air mentah jika dilakukan secara pakej.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, isu air tidak akan selesai selagi rundingan mengenainya tidak diasingkan daripada pakej isu dua hala lain, termasuk pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan penempatan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah menulis surat kepada Goh meminta supaya perbincangan isu air diasingkan bagi mempermudah penyelesaian terhadap isu lain membabitkan kedua-dua negara.

Katanya, usaha itu dibuat kerana perbincangan setakat ini nampak terbengkalai tanpa sebarang kemajuan.

"Saya tulis surat kata kita nak asingkan soal air ini, kerana terbengkalai satu pun tak boleh buat," katanya.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda Umno kesal dengan sikap berdolak-dalik kerajaan Singapura dalam menyelesaikan isu air.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata hanya sedikit kemajuan dicapai bagi menyelesaikan isu itu selepas dua pusingan perbincangan diadakan pada peringkat pegawai, selain pertemuan kedua-dua Perdana Menteri di sini, baru-baru ini.

"Apa yang membimbangkan ialah peluang menyelesaikan perkara pokok dalam perbincangan akan datang tidak mungkin tercapai sama sekali jika Singapura tetap dengan pendiriannya dan tidak mahu bertolak ansur," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata Singapura harus menilai budi serta persahabatan yang dipupuk atas nilai kekeluargaan dan kemanusiaan yang dihulurkan Malaysia selama ini.

"Pelbagai pengorbanan kita lakukan dalam mengekalkan hubungan baik dengan Singapura. Penyaluran air ke negara itu tidak pernah terjejas walaupun rakyat Malaysia terpaksa mengharungi keperitan ketika menghadapi masalah kekurangan air sebelum ini," katanya.

Hishammuddin berkata, Singapura tidak wajar menilai usaha Malaysia menyelesaikan isu air hanya dari sudut perjanjian air yang ditentukan sejak 1961.

Katanya, ini kerana Malaysia menghormati perjanjian itu atas semangat kekeluargaan, tanggungjawab demi menjaga hubungan baik kedua-dua negara

dan berharap wujud semangat murni atas dasar persefahaman dan tolak ansur pada Singapura.

"Pemuda Umno menggesa Singapura sedia berbincang mencapai kata sepakat bagi menyelesaikan isu ini atas dasar muafakat tanpa perlu membawa ke mahkamah," katanya.